

Catatan Albuquerque sebut tentang laksamana

BUKTI kewujudan laksamana Hang Tuah tidak hanya bersandarkan kepada kandungan surat yang diterima dari kerajaan Ryukyu, malah diperkukuhkan dengan catatan yang dibuat oleh Ketua Armada Portugis iaitu Alfonso de Albuquerque pada 1511.

Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa menemukan data primer dari Portugis yang menyebut tentang perihal seorang laksamana yang ciri-cirinya cukup melambangkan Hang Tuah sebagai seorang pahlawan Melayu.

“Albuquerque di dalam catatannya menyebut laksamana pada ketika itu usianya 80 tahun merupakan seorang perwira yang handal, mempunyai reputasi yang bagus dan berpengetahuan tinggi.

“Meskipun hanya menyatakan laksamana dan tidak menyebut nama Hang Tuah, namun setelah dikaji ciri-ciri yang disebut lebih berpadanan dengan Hang Tuah berbanding laksamana lain.

“Jika dikatakan laksamana tersebut boleh jadi laksamana Khoja Hassan yang dilantik selepas Hang Tuah (hilang jejak), namun dari segi umur tidak berpadanan kerana usianya dianggarkan antara 30 hingga 40 tahun pada masa itu.

“Bahkan Khoja Hassan juga tidak memiliki reputasi yang baik setelah memfitnah Bendahara, Tun Mutahir. Jadi, laksamana yang diperkatakan itu merujuk kepada Hang Tuah jika melihat dari sudut keperwiraan pahlawan itu dan dari segi perkiraan umurnya,”katanya.

Turut disebut laksamana itu berada di Temasik (Singapura) ketika Albuquerque mengetuai armada Portugis menawan Melaka pada tahun 1511.

Dalam catatan Albuquerque turut menyebut hubungan

perkahwinan di antara Sultan Mansur Shah dengan puteri laksamana Hang Tuah.

“Hasil perkahwinan itu, mereka dikurniakan seorang putera (Husin) yang kemudian menaiki takhta sebagai Sultan Alauddin Riayat Shah.

“Ini berdasarkan catatan Albuquerque sebelum meninggalkan Melaka untuk kembali ke Portugis. Namun, maklumat tentang perkahwinan kedua Sultan Mansur Shah dengan anak Hang Tuah tiada dinyatakan di dalam Sejarah Melayu,”katanya.

Dalam pada itu, Hashim menyangkal pandangan yang menyatakan perkataan tuah hanya wujud selepas kurun ke-16 kerana menurutnya penggunaan perkataan itu telah ada dalam bahasa Melayu sejak 2000 tahun lalu iaitu dalam bahasa Maori, satu daripada rumpun Melayu Polinesia yang mencatatkan perkataan tuah dan tuha.

“Sebetulnya, perkataan tuah memang tidak ada tercatat dalam mana-mana manuskrip pada abad ke-15 memandangkan tidak ada satu pun manuskrip yang wujud dalam alam Melayu pada masa itu.

“Namun, kajian saya mendapati penggunaan perkataan tuah telah wujud dalam bahasa Maori yang merupakan bahasa serumpun dengan bahasa Melayu sejak 2000 tahun lalu. Selain itu, perkataan itu juga digunakan dalam bahasa Rejang yang berasal dari Sumatera Selatan yang menggunakan tulisan rencong. Tulisan rencong adalah tulisan Melayu awal yang digunakan sebelum tulisan jawi mengambil alih.

“Jika sebelum tulisan jawi perkataan tuah sudah digunakan, ini bermakna tuah telah wujud dalam bahasa Rejang kira-kira tahun 1600, malah mungkin lebih awal daripada itu,”ujarnya.

info

Umur Hang Tuah

TARIKH	EHWAL HANG TUAH	SULTAN MELAKA
1431-1444	Masa lahir sehingga berusia 13 tahun (Zaman kanak-kanak)	Sultan Muhammmad Shah (1424-1444)
1444-1459	Berusia 13 hingga 25 tahun (Zaman belia/muda)	Sultan Muzaffar Shah (1446-1456)
1459-1477	Berusia 25 hingga 46 tahun (Zaman dewasa/matang)	Sultan Mansur Shah (1456-1477)
1477-1488	Berusia 46 hingga 57 tahun (Zaman pertengahan umur)	Sultan Allauddin Riayat Shah (1477-1488)
1488-1511	Berusia 57 hingga 80 tahun (Zaman tua)	Sultan Mahmud Shah (1488-1511)